



# BULETIN TITIAN LAKSAMANA

KOTA TINGGI

EDISI 2 | 2017

## I ♥ KOTA TINGGI



**LAWATAN RASMI KERJA DELIGASI  
YANG BERTHORMAT DATUK LEE SIEW KIONG  
PENERUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN,  
PERDAGANGAN DAN KEPENGGUNAAN NEGERI JOHOR  
KE MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**





# RAGBI

## PIALA AGONG 2017

@ MINI STADIUM KOTA TINGGI

KEPUTUSAN

JOHOR

15

8

KELANTAN



### MAJLIS PENYERAHAN SURAT KELULUSAN PERUNTUKAN YB TIMBALAN MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAAN TEMPATAN (BP1) KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN

PADA 26 OGOS 2017 di Dewan Komuniti Taman Desa Sejahtera telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Peruntukan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (BP1) Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Setelah ketibaan tetamu-tetamu jemputan, majlis diteruskan dengan ucapan Encik Fizwan Bin Mohd Rashidi, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi, ucapan Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri, dan ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (YBTM KPKT), Yang Berhormat Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique. Seterusnya penyampaian Surat Kelulusan Peruntukan YBTM KPKT dan penyampaian Surat Kelulusan Peruntukan Jabatan Pembangunan negeri. Pelancaran Bomba Sukarelawan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Taman Desa Sejahtera juga diadakan di dalam majlis tersebut. Sebelum berakhirnya majlis, terdapat juga penyampaian sumbangan Jalar Gemilang oleh YBTM KPKT kepada ketua-ketua kampung, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, Pengtusa dan Guru Besar dan Wakil Penduduk Taman Desa Sejahtera.





## PROGRAM MESRA RAKYAT DAN SESI TOWNHALL BERSAMA KOMUNITI ZON 7, 8 DAN 9

PROGRAM MESRA RAKYAT DAN SESI TOWN HALL BERSAMA KOMUNITI ZON 7, 8 DAN 9 dari Taman Muhibbah, Taman Kota Mas, Taman Laksamana, Taman Kota Jaya 1 & 2 telah dirasmikan oleh Encik Fzwan Bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi. Program ini diadakan di Dewan Serbaguna, Taman Kota Jaya, Kota Tinggi pada 7 Oktober 2017. Terdapat pelbagai aktiviti yang dilakukan seperti, pertandingan mewarna, pertandingan kreativiti kuih berasaskan labu, pertandingan hiasan pulut kuning, pertandingan gubahan bunga plastik, sukaneka serta pertunjukan Kelab Bekereta Anak Selatan dan Kelab Motor Berkuaasa Tinggi. Di dalam program ini, SWCORP Daerah Kota Tinggi dan Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi turut memberi taklimat kepada penduduk. Sesi Town Hall diadakan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk sebelum penyampaian hadiah dan lawatan ke gerai-gerai pameran yang diadakan.



## PROGRAM TAZKIRAH BAGI BULAN OKTOBER 2017 DAN TAKLIMAT RINGKAS PROGRAM KEBAJIKAN CUEPACS



## PROGRAM SAMBUTAN

# AMBANG MERDEKA PERINGKAT DAERAH KOTA TINGGI 2017

PROGRAM SAMBUTAN AMBANG MERDEKA PERINGKAT DAERAH KOTA TINGGI 2017 telah diadakan pada malam 30 Ogos 2017 di Dataran Kota Tinggi. Program Sambutan Ambang Kemerdekaan ini diraikan bersama rakyat dengan penuh semangat patriotik. Pelbagai acara diadakan seperti deklamasi sajak bertemakan kemerdekaan, nyanyian lagu-lagu patriotik, tayangan video kemerdekaan bagi golongan-golongan muda mengetahui perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Pada akhir program, tepat pukul 12 tengah malam, semua rakyat bersatu melauungkan laungan kemerdekaan tanda cinta kepada Negara.



## MAJLIS PERHIMPUNAN HARI KEBANGSAAN 2017 DAERAH KOTA TINGGI



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI telah menghantar 43 orang anggota kontingen perberisan sempena Majlis Perhimpunan Hari Kebangsaan 2017 Daerah Kota Tinggi pada 31 Ogos 2017. Majlis Perhimpunan ini diadakan di Padang Kerajaan, Kota Tinggi. Pentadbiran Majlis Daerah Kota Tinggi telah mendapat Naib Johan di dalam kategori menghias bangunan bagi bangunan agensi kerajaan. Majlis ini dikenali lagi dengan pelbagai persembahan seperti tarian kebudayaan, deklamasi sajak dan persembahan lakonan.

